

PERKEMBANGAN UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM  
DI MALAYSIA

ZANARIAH BT. DIMON

JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2004

Perpustakaan Universiti Malaya



A511566004

PERKEMBANGAN UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM  
DI MALAYSIA

ZANARIAH BT. DIMON

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH  
BAHAGIAN II  
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2004

## ABSTRAK

Sejarah perundangan di negara ini membuktikan undang-undang jenayah Islam pernah diiktiraf dan dilaksanakan dengan mantap pada zaman pemerintahan Melayu sebagai sebahagian daripada undang-undang asas negara. Namun, pelaksanaannya telah mengalami perubahan selepas campur tangan kuasa Inggeris di Tanah Melayu pada abad ke-18M. Kesannya, undang-undang jenayah Islam yang sebelum ini bersumberkan syarak telah disingkirkan dan disempitkan peruntukan dan bidang kuasanya mengikut acuan Inggeris. Walaupun Inggeris menjadi punca kepada pelaksanaan undang-undang yang terbatas pada masa kini, analisis menunjukkan perkembangan undang-undang jenayah Islam di Malaysia adalah berlangsung secara sistematik walaupun masih tidak terkeluar daripada batasan bidang kuasa yang sempit. Asas dan metodologi penggubalan undang-undang jenayah Islam di Malaysia adalah berbeza mengikut perkembangan zaman dan situasi setempat, tetapi ia masih tidak lari daripada prinsip syarak. Penggunaan metode *taqlīd* kepada metode *istiṣhāb* bagi mencari penyesuaian dalam undang-undang sivil selagi tidak bercanggah dengan syarak adalah sesuai dengan situasi perkembangan yang berlaku pada zaman tersebut. Peruntukan kesalahan jenayah syariah di Malaysia dikategorikan sebagai takzir yang melibatkan kuasa pemerintah dalam konteks *siyāsah syar'īyyah* untuk melaksanakan undang-undang yang terbatas ini supaya tidak bercanggah dengan undang-undang Persekutuan tetapi masih mempunyai nilai dalam undang-undang Islam. Justeru, perkembangan undang-undang jenayah Islam pada masa kini perlu dilihat dari kacamata sejarah supaya dapat difahami mengapa pelaksanaannya begitu sempit dan terbatas.

## ABSTRACT

The Malaysian legal history has shown that the Islamic criminal law has been recognized and implemented during the Malay state of Malacca as a part of our legal system. Nevertheless, the implementation has dramatically changed after the British occupation on Malay states since the 18<sup>th</sup> century. Thus, the impact is that the scope of legal provisions and jurisdiction of the Islamic criminal law derived from *syarak* have been gradually eliminated and specified to be compatible with English Law. Even though the British colonization has an influence on the limited jurisdiction nowadays, the Islamic criminal law has been systematically developed and enforced. Even if the fundamentals and methods of codification of law are different in accordance with time and local environment, it would still be bound on the principles of *syarak*. The move from *taqlīd* to *istiṣḥāb* as a method of adapting conventional law which is not against the *syarak* has been viewed as an improvement in those days. Provisions regarding syariah criminal offences in Malaysia have been categorized as *takzir* which concerns the power of rulers in *siyāsah syar'īyyah* to exercise the limited law in accordance with the Federal Constitutions, but still adhering to the element of Islamic legal system. Hence, the development of Islamic criminal law now should be traced from the historical viewpoint and thus, the reason of the specification and limitation of the implementation would ultimately be understood.

## ملخص البحث

يدل التاريخ على أن الأحكام الجنائية الإسلامية كانت تخطى بالاعتماد والتنفيذ بإحكام أيام الممالك الملايوية كجزء من قوانين الدولة الأساسية، إلا أن تطبيقها يتخلله التغيير الجذري عقب تدخل الانتداب الإنجليزي على الجزر الملايوية في القرن ١٦. فنتج عن ذلك إقصاؤها أو إحجام مجالها وصلاحياتها طبقاً للقوالب الإنجليزية. وعلى الرغم من أن الإنجليزي يمثلون حجر عثرة في التطبيقات الجزئية والمحدودة للأحكام الإسلامية في الوقت الراهن، إلا أن الإحصاءات تدل على أن الأحكام الجنائية الإسلامية في تطور منتظم على أنها لا تخرج من إطار الصلاحيات المحدودة فرضه النفوذ الإنجليزي. وعلى أن الأسس والمناهج التشريعية لها مرهونة باختلاف الأزمنة والظروف المحلية الطارئة، إلا أنها لا زالت تمت إلى الأسس الشرعية بصلة. فالتحول من إعمال منهج التقليد إلى منهج الاستصحاب حلاً لقضايا الأحكام المدنية يتلاءم والتغييرات التي تطرأ ما لم يحدث اصطدام بالشرعية. وأما العقوبات الجنائية بماليزيا، فمن الممكن تصنيفها في دائرة لأحكام التعزير التي تأخذ على عاتقها سلطة الحاكم من ضمن السياسة الشرعية كجهة مختصة بالتنفيذ لهذه الأحكام المحدودة لكي لا تتناقض مع قوانين الدولة، إلا أن لها اعتباراً في الأحكام الشرعية. لذلك، ينبغي للأحكام الجنائية الإسلامية أن تؤخذ بعين الاعتبار من منظور التاريخ به يدرك الجواب للتطبيق الضيق والمحدود لها.

## **PENGHARGAAN**

Segala kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana limpah dan rahmatNya telah memberi keupayaan dan ruang masa kepada penulis dalam menyempurnakan penyelidikan ini.. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad s.`a.w. sebagai pembawa risalah yang paling sempurna hingga ke akhir zaman.

Penghargaan ini ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Ruzman b. Mohd Noor (Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam), selaku penyelia penyelidikan ini, di atas bimbingan, nasihat dan kritikan membina bagi menjayakan penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua guru yang telah mencurahkan segala ilmu sepanjang pengajian saya. Terima kasih kepada Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan IPTA dan IPTS yang lain atas kemudahan membuat rujukan dan mendapatkan data. Juga kepada semua individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberi bantuan, dorongan dan perangsang kepada penulis sehingga penyelidikan ini dapat disempurnakan.

Istimewa buat suami, Mohd Zaini b. Hashim atas segala kesabaran, dorongan emosi dan cetusan semangat yang tidak pernah padam sepanjang proses akhir penyelidikan ini. Juga terima kasih buat seisi keluarga. Tidak dilupakan penghargaan khusus buat majikan saya, Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (KISDAR) atas segala kerjasama yang diberikan sepanjang penulisan ini serta rakan-rakan setugas di Sekolah Pengajian Islam, KISDAR yang banyak memberikan sokongan.

Zanariah bt. Dimon

## ISI KANDUNGAN

Kandungan	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ملخص البحث	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI STATUT	xi
SENARAI KES	xii
SENARAI KEPENDEKAN	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI	xv
PENDAHULUAN	xvii

## BAB SATU : SEJARAH PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DI MALAYSIA

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Perkembangan Awal Undang-undang Jenayah Islam di Tanah Melayu	1
1.2.1	Sejarah Awal Kewujudan Undang-undang Islam di Tanah Melayu	2
1.2.2	Peruntukan Undang-undang Jenayah Islam Dalam Undang-undang Melayu Lama	6
1.2.3	Kedudukan Undang-undang Islam Pada Zaman Portugis Dan Belanda	14

1.2.4	Kedudukan Undang-undang Islam Selepas Kedatangan Inggeris	16
1.2.5	Penggubalan Undang-undang Jenayah Bagi Orang-orang Islam Pasca Piagam Keadilan	23
1.3	Perkembangan Undang-undang Jenayah Islam pada Zaman Awal Kemerdekaan	27
1.3.1	Tafsiran Islam dalam Perlembagaan Persekutuan	28
1.3.2	Penggubalan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia	31
1.4	Kesimpulan	35

## **BAB DUA : PENTADBIRAN KEADILAN JENAYAH ISLAM DI MALAYSIA**

2.1	Pendahuluan	37
2.2	Sistem Pentadbiran Mahkamah di Malaysia	39
2.2.1	Penubuhan dan Perkembangan Mahkamah Syariah	39
2.2.2	Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah	51
2.2.3	Struktur Mahkamah Syariah	57
2.2.4	Konflik Bidang kuasa Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Awam	59
2.3	Peruntukan Kesalahan Jenayah Syariah di bawah Bidang Kuasa Mahkamah Syariah	64
2.3.1	Rujukan Undang-undang Jenayah Mahkamah Syariah Tahun 1952 – 1980-an	65
2.3.2	Rujukan Undang-undang Jenayah di Mahkamah Syariah Tahun 1990-an hingga 2002	72
2.4	Kesimpulan	77



## **BAB TIGA : UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DI MALAYSIA MASA KINI**

3.1	Pendahuluan	79
3.2	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia	80
3.2.1	Latar Belakang Penggubalan	80
3.2.2	Pemakaian Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri	82
3.2.3	Analisa Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah	85
	i. Pembahagian Isi Kandungan	85
	ii. Kecualian Am	90
	iii. Peruntukan Takzir bagi Kesalahan Tertentu	91
	iv. Tafsiran Undang-undang	92
3.3	Jenis-jenis Kesalahan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia	95
3.3.1	Kesalahan Berkaitan Akidah dan Pentafsiran Hukum	97
3.3.2	Kesalahan Berkaitan Kesucian Agama Islam dan Institusinya	102
3.3.3	Kesalahan Berkaitan Akhlak, Kesusilaan dan Adab-adab Syarak	105
3.3.4	Kesalahan Berkaitan Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam	109
3.3.5	Kesalahan Berkaitan Kesejahteraan dan Ketenteraman Orang Lain	113
3.4	Penguatkuasaan Hukuman dan Kesalahan Jenayah Syariah	115
3.5	Penilaian Terhadap Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993 dan Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002	123
3.5.1	Susunan dan Isi Kandungan Undang-undang	125
3.5.2	Analisis Kaedah Pembuktian	129
3.6	Kesimpulan	137

## **BAB EMPAT : ANALISIS UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DI MALAYSIA**

4.1	Pendahuluan	139
4.2	Asas dan Metodologi Penggubalan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia	140
4.2.1	Zaman Kesultanan Melayu	140
4.2.2	Zaman Penjajahan Inggeris	145
4.2.3	Zaman Kemerdekaan	148
4.3	Konsep Hukuman Takzir dalam Peruntukan Kesalahan-kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia	157
4.4	Kesimpulan	168

## **BAB LIMA : PENUTUP**

5.1	Kesimpulan	171
5.2	Saranan	178

<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>187</b>
--------------------	------------

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 2.1	Peruntukan Kesalahan Jenayah Syariah dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia
Jadual 2.2	Senarai Perundangan Islam Berkaitan Jenayah Syariah di Malaysia
Jadual 3.1	Pembahagian Isi Kandungan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia
Jadual 3.2	Tafsiran Istilah Undang-undang dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia
Jadual 3.3	Bilangan Peruntukan Mengikut Jenis Kesalahan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia
Jadual 3.4	Statistik Kes-kes Jenayah Syariah di Negeri Selangor (1997-1999)

## SENARAI STATUT

Perlembagaan Persekutuan  
Kanun Keseksaan (Akta 574)

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pahang 1956  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Melaka 1959  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 1959  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 1960  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Kedah 1962  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 1965  
Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966  
Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Sabah 1977  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978

Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan No. 2/1985  
Kanun Jenayah Syariah Kedah Bil. 9/1988  
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak No. 6/1991  
Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) No. 6 /1991  
Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) No. 4/1992  
Enakmen Jenayah Syariah (Perak) Bil. 3/1992  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah No. 3/1995  
Enakmen Jenayah Syariah Selangor No. 9/1995  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) Bil. 3/1996  
Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan, A559/1997  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor No. 4/1997  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu), No. 7/2001

## SENARAI KES

Kes	Halaman
<i>Abdul Rahman b. Salleh lwn. Pendakwa Hal Ehwal Agama Terengganu</i> (1995) JH, Jil. X: Bhg. I, 121	117
<i>Ainan lwn. Syed Abu Bakar</i> [1991] <i>M.L.J.</i> 265	60
<i>Dalip Kaur lwn. Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam</i> [1992] 1 <i>M.L.J.</i> 1	61
<i>Fatimah dan lain-lain lwn. Logan dan lain-lain</i> (1871) 1 <i>ky.</i> 255	18
<i>Faridah bt. Dato' Talib lwn. Mohamad Habibullah b. Mahmud</i> [1990] <i>M.L.J.</i> 74	55
<i>In The Goods Of Abdullah</i> (1835) 2 <i>ky. Ec.</i> 8	18
<i>Mohamad Habibullah b. Mahmud lwn. Faridah Dato' Talib</i> [1992] 2 <i>M.L.J.</i> 793	60
<i>Mokhtar b. Pangat lwn. Pendakwa Syarie Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan</i> (1991) JH, Jil VII, Bhg II 203	116
<i>Meor Atiqulrahman b. Ishak lwn. Fatimah bt. Sihi dan lain-lain</i> [2000] 5 <i>M.L.J.</i> 375	28
<i>Myriam lwn. Arif</i> [1971] <i>M.L.J.</i> 265	60
<i>Pendakwa Syarie lwn. Fahyu Hanim bt. Ahmad dan lain-lain</i> [2000] <i>Jurnal Syariah</i> 8:1 137	83
<i>Ramah lwn. Laton</i> [1927] 6 <i>F.M.S.L.R.</i> 127	37
<i>Shaik Abdul Latif dan lain-lain lwn. Shaik Elias Bux</i> (1915) <i>F.M.S.L.R.</i> 204	5
<i>Soon Singh lwn. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Kedah</i> [1999] 1 <i>M.L.J.</i> 489	61
<i>Sukma Darmawan Sasmitaat Madja lwn. Ketua Pengarah Penjara Malaysia &amp; Anor</i> [1998] 4 <i>M.L.J.</i> 742	62

## SENARAI KEPENDEKAN

AKJS	-	Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah – wilayah Persekutuan), 1997 (Akta 559)
<i>anor.</i>	-	<i>another</i> , seorang lagi
b.	-	bin
bil.	-	bilangan
bt.	-	binti
Bhg.	-	Bahagian
Cet.	-	cetakan
Dr.	-	Doktor
(ed.)	-	editor, penyunting
EKJS	-	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah
En.	-	enakmen
EPAI	-	Enakmen Pentadbiran Agama Islam
<i>et. al</i>	-	dan pengarang-pengarang lain
EKMSK	-	Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan
EUKI	-	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam
<i>F.M.S.L.R.</i>	-	<i>Federated Malay States Law Report</i>
h.	-	halaman
Hj.	-	haji
<i>Ibid</i>	-	<i>ibidem</i> . Pengarang dan tajuk buku yang sama
IKIM	-	Institut Kefahaman Islam Malaysia
j.	-	juzu'
Jil.	-	Jilid
JKSM	-	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JAKIM	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
<i>JMBRAS</i>	-	<i>Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society</i>
KJS (II)	-	Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993
lwn.	-	lawan

M.	-	Masihi
<i>M.L.J</i>	-	<i>Malayan Law Journal</i>
No.	-	nombor
<i>Op.cit.</i>	-	<i>opera citato</i> . Pengarang dan tajuk buku yang sama dengan rujukan sebelumnya, tetapi berbeza dan diselangi dengan rujukan lain
Ord.	-	Ordinan
s. `a.w	-	<i>Ṣallalāhu `alaihi wasallam</i>
sdn. bhd.	-	sendirian berhad
ss.	-	seksyen
swt.	-	<i>Subhānah wa Ta'ālā</i>
T.P	-	Tanpa Penerbit
t.t	-	tanpa tahun

## PANDUAN TRANSLITERASI

### 1. Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ءا	a, ' (Hamzah)	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	sy	ي	y
ص	ṣ	ة	h
ض	ḍ		



## 2. Vokal

### a. Pendek

◌َ (fathah) a

◌ُ (dammah) u

◌ِ (kasrah) i

### b. Panjang

ā : ā

ī : ī

ū : ū

### c. Diftong

āi : aw

āy : ay

īy/ī : iy/ī

ūw : uww

### Sumber:

Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

### Catatan:

Kaedah transliterasi tidak digunakan bagi perkataan Arab yang telah dimelayukan seperti syarak, al-Quran, hadis, hudud, qisas dan takzir iaitu dengan merujuk kepada penggunaan perkataan tersebut dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga 2002.

Semua perkataan Arab yang menggunakan kaedah transliterasi dicondongkan kecuali kata nama khas seperti al-Syāfi'ī, al-Syirāzī, al-Sarakhsī.

Terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam disertasi ini adalah berpandukan kepada Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur : BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri.

## PENDAHULUAN

### 1. Latar Belakang Masalah

Sejarah perundangan di negara ini dengan jelas membuktikan kewujudan peruntukan undang-undang jenayah Islam semasa zaman pemerintahan kerajaan Melayu sebelum penjajahan Inggeris. Sebagai contoh, hukuman-hukuman yang diperuntukkan dalam Undang-undang Melaka yang siap dikanunkan pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah (1445 – 1458M) menunjukkan pengaruh Islam yang kuat dalam bidang jenayah. Kanun ini memperuntukkan hukuman ke atas pembunuh adalah bunuh balas bunuh (qisas) dan hukuman ke atas pencuri ialah *hadd* potong tangan. Kesalahan bagi peminum arak pula dijatuhkan *hadd* rotan dan pezina dikenakan *hadd* rejam. Bukti lain dapat dilihat juga pada Batu Bersurat Terengganu bertarikh 22hb. Februari 1303 Masihi bersamaan 14hb. Rejab 702 Hijrah yang antara lain mencatatkan tentang kesalahan jenayah Islam dan hukumannya serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengan hutang piutang.

Walau bagaimanapun, undang-undang Islam semakin hilang kepentingannya selepas kejatuhan empayar Kesultanan Melayu Melaka bermula pada tahun 1511 dengan penaklukan Portugis, diikuti Belanda dan Inggeris. Walau bagaimanapun, penjajahan Portugis dan Belanda tidak memberi kesan kepada kedudukan undang-undang Islam pada masa itu kerana mereka lebih berminat menguasai perdagangan tanpa mencampuri urusan undang-undang diri penduduk tempatan. Berbeza dengan penjajah Inggeris

yang mula campur tangan di Tanah Melayu seawal tahun 1771 di Kedah, menguasai Pulau Pinang pada tahun 1786 dan memperkenalkan undang-undangnya melalui Piagam Keadilan Pertama pada tahun 1807. Dengan perkembangan tersebut, secara beransur-ansur prinsip undang-undang Inggeris dimasukkan dalam sistem pentadbiran, perundangan dan kehakiman. Beberapa undang-undang seperti Kanun Keseksaan, Ordinan Keterangan, Kanun Acara Jenayah, Kanun Acara Sivil, Enakmen Kontrak dan Undang-undang Tanah telah diperundangan sekaligus mengeneipkan prinsip undang-undang Islam dalam bidang berkenaan.

Penguatkuasaan undang-undang Inggeris melalui penggubalan undang-undang tersebut khususnya dalam bidang jenayah menyebabkan pelaksanaan hukuman jenayah Islam di Tanah Melayu mula disisih dan diketepikan. Selain itu, bidang kuasa Mahkamah Syariah yang sebelum ini membicarakan kesalahan-kesalahan jenayah syariah juga mula dikurangkan. Malah, beberapa aspek dalam perundangan Islam turut dikuatkuasakan dalam bentuk statut.

Pada peringkat awal sebelum dan selepas kemerdekaan, kebanyakan negeri telah menggubal Enakmen Pentadbiran Agama Islam masing-masing. Tujuannya untuk menguatkuasakan undang-undang Islam setakat yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan sebagaimana tersenarai dalam Jadual Sembilan Senarai Dua Butiran Satu. Dengan itu penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah adalah berdasarkan peruntukan dalam undang-undang pentadbiran tersebut sehinggalah penggubalan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang berasingan daripada enakmen induk.

Undang-undang yang diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah inilah yang terus dilaksana dan dikuatkuasakan sehingga kini di Malaysia.

Oleh itu, dalam kajian ini, penulis akan menganalisis perkembangan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di negara ini dari zaman awal Kesultanan Melayu sehinggalah ke hari ini. Subjek utama adalah peruntukan kesalahan jenayah syariah dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri yang digunakan masa kini di samping peruntukan-peruntukan dalam undang-undang terdahulu. Namun, kajian ini bukanlah semata-mata mengemukakan teori dan fakta perkembangan undang-undang jenayah Islam di Malaysia sahaja, bahkan bertujuan untuk membuktikan bahawa undang-undang jenayah Islam yang dilaksana pada masa kini adalah selaras dengan prinsip-prinsip jenayah Islam berdasarkan metodologi penggubalannya walaupun dalam bidang kuasa yang sangat terbatas.

## **2. Hipotesis Kajian**

Hipotesis penulis dalam kajian ini adalah undang-undang jenayah Islam di Malaysia telah berkembang secara sistematik walaupun masih tidak terkeluar daripada kerangka bidang kuasa yang sempit dan terbatas kesan daripada penjajahan Inggeris.

Hipotesis ini melibatkan beberapa aspek yang berkaitan dengan kesan dan pengaruh penjajahan Inggeris di Tanah Melayu kepada bidang kuasa dan situasi pelaksanaan undang-undang jenayah Islam pada masa kini. Ia juga berkait rapat dengan

metodologi yang digunapakai oleh badan perundangan negeri dalam penggubalan undang-undang tersebut dari zaman ke zaman perkembangannya sehinggalah ke hari ini. Perkembangan yang berlaku ini adalah berasaskan kepada usaha untuk memastikan undang-undang jenayah Islam yang dilaksana selepas penjajahan masih berada dalam lingkungan prinsip jenayah Islam dan pada masa yang sama tidak lari daripada batasan bidang kuasa kesan pengaruh Inggeris supaya ia boleh dilaksana tanpa percanggahan dengan undang-undang Persekutuan. Justeru, perkembangan undang-undang jenayah Islam di Malaysia harus dilihat menerusi kacamata sejarah supaya dapat difahami mengapa pelaksanaannya pada masa kini begitu terbatas dan sempit.

### **3. Objektif Kajian**

- 3.1 Menilai perkembangan undang-undang jenayah Islam sejak zaman kedatangan Islam ke Tanah Melayu hingga sekarang.
- 3.2 Membuktikan bahawa penjajahan Inggeris menjadi punca kepada batasan bidang kuasa undang-undang jenayah Islam pada masa kini.
- 3.3 Menganalisis peruntukan undang-undang jenayah Islam yang diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah setiap negeri di Malaysia.
- 3.4 Mengenalpasti asas dan metodologi penggubalan undang-undang jenayah Islam di Malaysia.

#### 4. Skop Kajian

Kajian ini menumpukan perbincangan kepada perkembangan undang-undang jenayah Islam di Malaysia sejak zaman Kesultanan Melayu sehingga masa kini dengan tujuan untuk menganalisis aspek-aspek penggubalan, pelaksanaan, perubahan dan pindaan dalam peruntukan undang-undang jenayah Islam di Malaysia mengikut peringkat perkembangannya. Bagi memantapkan kajian, penulis membandingkan asas dan metodologi penggubalan undang-undang jenayah Islam pada zaman kesultanan Melayu, zaman penjajahan dan zaman selepas kemerdekaan serta perbincangan mengenai konsep takzir dalam undang-undang tersebut. Kajian juga mengemukakan perancangan dan tindakan yang perlu diusahakan untuk memaksimumkan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di Malaysia pada masa kini dan akan datang. Namun, bukan menjadi matlamat kajian ini untuk menyediakan satu modul undang-undang jenayah Islam yang ideal untuk digunapakai di Malaysia bersesuaian dengan objektif kajian yang tidak sampai kepada tahap tersebut.

Manakala skop undang-undang jenayah Islam yang dikaji oleh penulis adalah peruntukan kesalahan jenayah syariah dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia. Pemilihan undang-undang tersebut kerana ia merupakan statut terkini yang digunapakai mengenai peruntukan kesalahan jenayah syariah secara khusus dan terperinci pada masa kini dan ia telah memansuhkan kesemua undang-undang jenayah Islam yang terpakai sebelum ini. Justeru kajian terhadap undang-undang tersebut bersesuaian dengan perkembangan dan situasi semasa. Kajian ini tidak

menganalisis peruntukan kesalahan dalam undang-undang Islam yang lain seperti kesalahan matrimoni dalam undang-undang keluarga, kesalahan berkaitan undang-undang pentadbiran agama Islam, undang-undang tatacara mal dan jenayah Islam.

## 5. Sorotan Kajian-kajian Terdahulu

Penulis mendapati banyak penulisan yang telah dihasilkan berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di Malaysia sama ada dalam karya buku, artikel mahupun kertas kerja pembentangan seminar berkaitan bidang ini. Namun, kajian-kajian tersebut lebih banyak membentangkan mengenai konsep jenayah Islam dan pelaksanaan undang-undang pentadbiran jenayah Islam di Malaysia. Sejauh pengetahuan penulis, masih belum ada kajian khusus dan terperinci mengenai perkembangan dan perubahan-perubahan yang berlaku dalam peruntukan undang-undang jenayah Islam di Malaysia yang menjadi fokus perbincangan penulis dalam kajian ini.

Secara umumnya, penulisan oleh sarjana tempatan dalam bentuk konsep jenayah Islam yang umum ialah buku **Jinayah Dalam Islam : Satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-hukum Hudud** karangan Dr. Mahfodz Muhammad (1985), **Undang-undang Jenayah Islam : Jenayah Hudud** oleh Mat Saad Abdul Rahman (1993) dan **Undang-undang Jenayah Islam** karya Dr. Paizah Hj. Ismail (1981). Buku-buku ini lebih memfokuskan perbincangan mengenai konsep jenayah Islam yang tidak begitu disentuh oleh penulis dalam disertasi ini. Sementara buku **Qanun Jinayah Syar'iiyyah** tulisan

Hj. Said Ibrahim (1996) menumpukan kepada saranan penggubalan kanun jenayah syariah di Malaysia.

Satu kajian yang dapat membantu penulis memahami aspek sejarah awal perkembangan undang-undang jenayah Islam ialah **Ke Arah Pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia: Masalah dan Penyelesaian** (1986) yang dihasilkan oleh Abu Bakar Abdullah. Beliau menganalisis undang-undang yang dilaksanakan pada zaman kesultanan Melayu termasuklah peruntukan jenayah syariah dan persamaannya dengan prinsip jenayah Islam. Kekuatan kajian ini dapat dilihat dari aspek perbincangannya yang mendalam mengenai peruntukan undang-undang dalam teks-teks undang-undang Melayu lama. Ia juga menilai mengenai isu-isu dan penyelesaian kepada pelbagai halangan dalam melaksanakan undang-undang Islam di Malaysia.

Selain itu, buku-buku lain yang berkaitan dengan tajuk kajian penulis ialah **Undang-undang Jenayah Dalam Islam dan Enakmen Negeri-negeri** tulisan Dr. Abdul Halim El-Muhammady (1998), artikel Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob (1996) bertajuk **Kedudukan dan Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia** dalam buku *Tinjauan Kepada Perundangan Islam, Kanun Jenayah Syariah : Suatu Penilaian* oleh Dr. Siti Zalikah Mohd Noor dalam buku *Isu Syariah Dan Undang-undang* terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia (1998) dan Prof. Mohammad Hashim Kamali (2000); **Punishment in Islamic Law; An Enquiry into the Hudud Bill of Kelantan.**



terhadap fokus kajian penulis ini, tetapi hasil penulisan tersebut dapat dijadikan asas dan pertimbangan dalam menghasilkan kajian ini. Antaranya Dr. Tanzil al-Rahman (1978); **Islamization of Pakistan Law**. Penulisan buku ini banyak membantu penulis memahami proses islamisasi undang-undang di Pakistan dan membandingkannya dalam aspek perkembangan undang-undang Islam di Malaysia. Kajian yang dibuat oleh Maria Luisa Seda-Poulin (1993) iaitu dalam penulisan yang bertajuk **Islamization and Legal Reform in Malaysia: The Hudud Controversy of 1992** merupakan satu penilaian yang kritikal terhadap perkembangan undang-undang Islam di Malaysia dengan memfokuskan kepada Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1992. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak membincangkan mengenai aspek persejarahan undang-undang Islam di Malaysia yang menjadi asas dan fokus kajian penulis dalam disertasi ini. Penulisan oleh John L Esposito (1974) iaitu **Muslim Family Law in Egypt and Pakistan, A Critical Analysis of Legal Reform, Its Sources and Methodological Problems** menjelaskan pemakaian kaedah ijtihad, istihsan dan taqlid dalam usaha untuk mereformasi undang-undang Islam di Mesir dan Pakistan.

Berdasarkan sorotan kajian yang telah dibuat, penulis berpandangan tidak terdapat satu kajian yang khusus menyentuh mengenai tajuk kajian penulis kali ini yang lebih menumpukan kepada aspek perkembangan dan perubahan dalam undang-undang jenayah Islam di semua peringkat perkembangan sejarah bermula dari zaman awal Kesultanan Melayu hingga hari ini. . Oleh itu, penulis mempunyai asas yang kukuh untuk menjalankan kajian ini tanpa menafikan penulisan-penulisan terdahulu telah melengkapkan lagi kajian ini.

## **6. Metodologi Penyelidikan**

Secara umumnya, kajian ini adalah berbentuk kajian perpustakaan. Namun, bagi memantapkan kajian, penulis turut melakukan kajian dalam bentuk lapangan dengan cara menemubual pihak yang terlibat dengan perkembangan undang-undang Islam di Malaysia. Bagi menghasilkan kajian ini, penulis menggunakan metode-metode berikut bagi mendapatkan data dan membuat penilaian terhadap fakta yang diperolehi.

### **6.1 Metode Penentuan Subjek**

Subjek yang dipilih oleh penulis dalam kajian ini ialah undang-undang jenayah Islam dalam aspek perkembangannya di Malaysia secara kronologi bermula dari zaman awal Kesultanan Melayu hingga sekarang melalui peruntukan undang-undang jenayah Islam. Penulis menentukan subjek ini bagi menjelaskan secara terperinci perkembangan, perubahan, kandungan undang-undang dan perbezaannya antara negeri-negeri serta metodologi penggubalan undang-undang tersebut.

### **6.2 Metode Pengumpulan Data**

#### **a) Metode Kajian Perpustakaan**

Melalui metode ini, penulis telah melakukan penelitian terhadap penulisan-penulisan yang terdahulu sama ada dalam bahasa Arab, bahasa Inggeris atau bahasa

Melayu. Data-data tersebut sama ada mempunyai kaitan secara langsung dengan kajian atau tidak didapati dalam buku-buku, jurnal undang-undang, statut, laporan kes, kertas kerja, penulisan ilmiah, dan majalah-majalah semasa. Kebanyakannya diperolehi oleh penulis di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-undang Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Kolej Islam Selangor Darul Ehsan. Oleh kerana, penyelidikan ini merupakan penyelidikan perpustakaan, maka metode ini telah digunakan dengan maksima dalam empat bab penulisan kajian ini.

b) Metode Dokumentasi

Penulis menggunakan metode ini secara langsung dengan meneliti dan menganalisis manuskrip asal berkaitan undang-undang Melayu lama seperti Undang-undang Melaka dan Undang-undang Kedah di Arkib Negara Malaysia dan Pusat Manuskrip Melayu di Perpustakaan Negara. Begitu juga laporan-laporan rasmi mengenai Mahkamah Syariah yang diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

c) Metode Historis

Metode historis digunakan dalam kajian bertujuan untuk mendapatkan data-data yang mempunyai nilai sejarah bagi menjelaskan kronologi perkembangan dan perubahan serta asas dan metodologi penggubalan undang-undang jenayah Islam di Malaysia pada

zaman Kesultanan Melayu, zaman penjajahan sehinggalah pelaksanaannya pada masa kini.

d) **Metode Temubual**

Metode ini digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data daripada pihak yang terlibat secara langsung mengenai perkembangan semasa undang-undang Islam di Malaysia. Ia melibatkan temubual penulis dengan Ustaz Yahaya b. Mat Zain, Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Undang-undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

### **6.3 Metode Penganalisaan Data**

Hasil daripada fakta dan data yang diperolehi, penulis menggunakan tiga metode untuk merumus data-data tersebut, iaitu metode induktif, deduktif dan komparatif.

a) **Metode Induktif**

Metode Induktif ialah suatu proses penganalisaan maklumat secara berterusan bagi menjelas atau menguraikan sesuatu fenomena yang dikaji. Maksudnya, merumuskan satu prinsip berdasarkan pengamatan terhadap hubungkait antara fakta-fakta yang spesifik. Dalam kajian ini, metode ini diaplikasikan dalam bab empat iaitu analisis secara induktif terhadap kepelbagaian metodologi penggubalan undang-undang

jenayah Islam pada setiap peringkat zaman. Analisis tersebut dapat merumuskan bahawa pelaksanaan undang-undang jenayah Islam pada masa kini adalah menepati prinsip syarak walaupun masih sempit dan terbatas kesan penjajahan Inggeris.

b) Metode Deduktif

Metode Deduktif bermaksud cara menganalisis data dan merumuskan satu pernyataan khusus berdasarkan fakta-fakta yang sedia ada atau bersifat umum. Metode ini banyak diaplikasi dalam keseluruhan bab. Contohnya metode ini digunakan bagi membuktikan kewujudan undang-undang jenayah Islam di Malaysia bermula dengan penggubalan undang-undang pada zaman Kesultanan Melayu, diikuti zaman Inggeris dan zaman selepas kemerdekaan. Metode ini juga banyak digunakan dalam analisis berkaitan peruntukan kesalahan-kesalahan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang sangat sempit dan terikat kepada undang-undang Persekutuan.

c) Metode Komparatif

Metode Komparatif digunakan bagi membuat kesimpulan dengan melakukan penelitian dan perbandingan di antara beberapa fakta yang diperolehi. Penulis menggunakan metode ini dalam bab tiga dan empat untuk membandingkan aspek-aspek peruntukan, asas dan metodologi penggubalan undang-undang jenayah Islam sebelum, semasa dan selepas penjajahan Inggeris. Perbandingan juga dibuat terhadap peruntukan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri dengan peruntukan dalam

Kanun Keseksaan bagi mengenalpasti kemasukan unsur-unsur undang-undang sivil dalam undang-undang jenayah Islam di Malaysia

## **7. Organisasi Kajian**

Penyelidikan ini merupakan analisis terhadap perkembangan undang-undang jenayah Islam di Malaysia bermula dari zaman Kesultanan Melayu hingga masa kini. Kajian ini dimulai dengan pendahuluan dan diikuti dengan lima bab utama.

Bab satu mengandungi teori dan latarbelakang kepada sejarah pelaksanaan undang-undang jenayah Islam bermula zaman Kesultanan Melayu, zaman penjajahan Inggeris dan zaman selepas kemerdekaan. Bahagian ini adalah bagi mencapai objektif pertama dan kedua kajian ini iaitu untuk membuktikan undang-undang jenayah Islam pernah dilaksana dengan baik di negara ini. Hasil kajian penulis dalam bab ini juga membuktikan bahawa kuasa Inggeris menjadi punca kepada perkembangan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam yang terbatas dan sempit selepas penjajahannya sehingga kini.

Bab dua adalah sandaran kepada perbincangan mengenai medium pentadbiran keadilan jenayah Islam di Malaysia iaitu Mahkamah Syariah dan rujukan undang-undangnya dalam melaksanakan bidang kuasa jenayahnya. Bahagian ini merumuskan bahawa bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam menjalankan bidang kuasa jenayahnya adalah tertakluk kepada undang-undang Persekutuan. Manakala rujukan undang-undang

jenayahnya adalah berbeza mengikut perkembangan penggubalan undang-undang tersebut antara tahun 1950-an sehingga kini. Ternyata bahagian ini menjelaskan mengenai kewujudan undang-undang yang sistematik dalam batasan yang sempit kesan penjajahan Inggeris.

Seterusnya, bab tiga mengemukakan latar belakang penggubalan dan analisis peruntukan kesalahan jenayah syariah dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di kesemua negeri bermula akhir 80-an dan sehingga kini. Kajian menunjukkan peruntukan kesalahan dan hukuman dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah sangat terbatas. Walaupun pindaan telah dibuat terhadap Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) pada tahun 1984, tetapi pindaan tersebut hanya membolehkan Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman paling berat denda tidak lebih lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih tiga tahun atau sehingga enam kali sebatan. Namun peruntukan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah ini adalah lebih baik daripada undang-undang yang digubal sebelum ini.

Bab empat adalah analisis utama kepada kajian ini. Bahagian ini mengenalpasti bahawa asas dan metodologi dalam penggubalan undang-undang jenayah Islam di Malaysia adalah berbeza mengikut zaman dan situasi setempat. Pada peringkat awal, penggubalannya berasaskan metode *taqlīd* terhadap kitab-kitab fiqh semata-mata, berbeza dengan metode yang digunapakai pada masa kini iaitu melalui pendekatan *siyāsah syari'iyah* dalam menguatkuasakan undang-undang jenayah Islam dan metode *istiṣhāb* iaitu mengambil peruntukan mengenai kecualian am dan subahat dalam Kanun

Keseksaan kerana ia tidak bertentangan dengan syarak. Kajian ini juga membuktikan bahawa peruntukan kesalahan jenayah syariah dikategorikan sebagai takzir yang mempunyai kesahan dalam undang-undang Islam. Justeru, tidaklah tepat menyatakan undang-undang jenayah Islam kini tersasar jauh daripada prinsip undang-undang Islam. Bahkan situasi yang berlaku ini adalah bagi memastikan undang-undang jenayah Islam masih berada dalam lingkungan undang-undang Islam yang sebenar selain tidak bercanggah dengan batasan bidang kuasa yang sempit sehingga tidak boleh dilaksanakan seperti yang berlaku kepada Kanun Jenayah Syariah II Kelantan.

Bab lima merupakan kesimpulan dan saranan kepada kajian ini. Penulis merumuskan bahawa undang-undang jenayah Islam telah berkembang secara sistematik tetapi dalam batasan bidang kuasa yang sempit kesan daripada penjajahan Inggeris. Justeru, perancangan dan tindakan perlu diusahakan sama ada bagi jangka masa pendek atau jangka masa panjang bagi memastikan pelaksanaannya terus berkembang dengan baik sebelum usaha mengislamisasikan keseluruhan undang-undang Islam dapat dicapai pada suatu masa nanti.

Justifikasi kepada penyusunan setiap bab yang sedemikian adalah bagi membuktikan kesemua objektif dan mengesahkan hipotesis yang telah dikemukakan oleh penulis dalam kajian ini. Ternyata, melalui organisasi bab yang disusun oleh penulis telah berjaya membuktikan bahawa undang-undang jenayah Islam telah wujud pada zaman Kesultanan Melayu, sebelum perkembangannya mengalami perubahan drastik dari segi bidang kuasa yang sempit dan terbatas pada zaman penjajahan Inggeris.



Kemudian daripada itu, perkembangannya telah berubah mengikut acuan yang terhasil akibat pengaruh kuasa Inggeris. Kesannya, ia berkembang dan dilaksanakan secara sistematik mengikut prinsip takzir tetapi dalam batasan bidang kuasa yang sempit dan terbatas sebagaimana peruntukan kesalahan-kesalahan jenayah syariah dalam undang-undang jenayah syariah yang digunapakai pada masa kini.